

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 APRIL 2016

# Dr M dicabar namakan pengganti Najib

» Jika gagal,  
bekas PM  
diminta  
berhenti  
daripada  
politik secara  
terhormat

Oleh Nazura Ngah  
dan Haika Khazi  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad dicabar menamakan pengganti Datuk Seri Najib Razak jika mahu usahanya menjatuhkan Perdana Menteri dilihat mempunyai kredibiliti.



Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad

Setiasaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad, berkata jika Dr Mahathir gagal berbuat demikian, bekas Perdana Menteri itu perlu berhenti daripada mengganggu pentadbiran kerajaan, sebaliknya bersara daripada politik secara terhormat.

Beliau berkata, kerajaan dan Perdana Menteri dipilih rakyat secara demokratik mengikut Perlembagaan Persekutuan, bukan



Mukhriz Mahathir

nya oleh seorang individu.

Tengku Sariffuddin berkata, tindakan itu perlu selepas Datuk Seri Mukhriz Mahathir semalam (kelmarin) menyatakan kepada media asing bahawa beliau tidak mempunyai cita-cita untuk menjadi Perdana Menteri.

### Perlu tampil nafi spekulasi

“Dr Mahathir perlu tampil menafikan spekulasi sesetengah pihak bahawa beliau kini sedang

merintis dan membuka jalan untuk mempercepatkan pelantikan anaknya (Mukhriz) sebagai Perdana Menteri.

“Jika benar beliau tidak berniat demikian Dr Mahathir perlu segera menamakan individu yang bakal diangkat sebagai calon Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang baharu.

“Kenapa beliau selalu mengelak daripada menjawab satu soalan yang mudah tetapi penting ini? Mengapa Dr Mahathir selalu mengelak daripada menjawab soalan mengenai apakah perancangannya untuk masa depan politik Datuk Seri Mukhriz?” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Tengku Sariffuddin berkata, jika Dr Mahathir mahu mempertahankan tindakan beliau yang secara berterusan mempersoalkan kredibiliti Perdana Menteri, beliau perlu menamakan sekurang-kurangnya seorang calon alternatif yang benar-benar bersih.